

SULIT

1103/1

Bahasa Melayu
Kertas 1
2026
2 jam

CADANGAN SKEMA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN LIMA
BAHASA MELAYU
Kertas 1



BAHAGIAN A
(30 MARKAH)
CADANGAN KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26 – 30	<u>Tema/Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. - Huraian jelas dan matang. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan *ungkapan yang menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai. *Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.
	(28 – 30) (26 – 27)	
		<u>Tema/Tugasan</u> Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan.

KEPUJIAN	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. - Huraian jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik. Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai.
MEMUASKAN	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tema/Tugasan</u> - Karangan masih menepati bahan rangsangan/tugasan. <u>Idea</u> - Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. - Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata masih luas/terhad. - Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik.

		• Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. • Wacana masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai.
PENGUASAAN MINIMUM	10 – 14 (12 – 14) (10 - 11)	<u>Tema/Tugasan</u> • Karangan kurang menepati bahan rangsangan/tugasan. <u>Idea</u> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. • Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. • Wacana kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	1 – 9 (6– 9) (1- 5)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan/tugasan • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.



Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Pemeriksa hendaklah memberi **komen** pada karangan yang diperiksa
3. Cara menanda kesalahan isi , ejaan dan tanda baca :

()	=	Kesalahan isi
_____	=	Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	=	Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	=	Kesalahan ejaan yang berulang
○	=	Kesalahan tanda baca

Bahagian B
Karangan Respons Terbuka
(70 markah)

CADANGAN KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG		<u>Tugasan</u> Karangan menjawab tugas.
		<u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai.
	64 – 70	<u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa yang bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
	(68 - 70) (64 - 67)	<u>Pengolahan</u> - Pengolahan sangat menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas. *Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

KEPUJIAN	55 - 63 (59 - 63) (55 - 58)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
BAIK	45 - 54 (50 - 54) (45 - 49)	<u>Tugasan</u> • Karangan masih menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai.

		• Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca yang masih betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
MEMUASKAN	35 - 44 (40 - 44) (35 - 39)	<u>Tugas</u> • Karangan masih/kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian kurang jelas. • Contoh kurang sesuai. <u>Bahasa</u> • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca yang betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih/kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.

PENGUASAAN MINIMUM	21-34 (28-34) (21-27)	<u>Tugasan</u> - Karangan kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas/bercampur aduk. - Huraian tidak jelas/ tidak berkembang. - Contoh yang tidak sesuai. <u>Bahasa</u> - Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. - Penggunaan kata kurang tepat. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. - Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan tidak menarik. - Pemerenggan tidak sesuai/ tidak seimbang. - Wacana tidak lengkap.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	1-20 (11-20) (1-10)	Keseluruhannya karangan sukar/tidak difahami. - Idea tidak relevan/ bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Pengolahan tidak menarik - Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang - Wacana tidak lengkap.

PEMARKAHAN TAMAT

BAHAGIAN A : 30 MARKAH

Tema : Pencemaran plastik

Tugasan : Usaha/ Langkah/ Cara/ Strategi untuk mengatasi pencemaran plastik di Malaysia

Cadangan idea:

Bahan 1 - Maklumat untuk pendahuluan

Bahan 2 (IDEA) – Kempen hentikan pencemaran plastik

Bahan 3 (IDEA) – Mengamalkan amalan kitar semula

Ungkapan menarik:

1. Bersatu teguh, bercerai roboh
2. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
3. Bagai aur dengan tebing
4. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih

BAHAGIAN B

Soalan 1

Kadar membaca dalam kalangan masyarakat masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini berkait rapat dengan isu budaya membaca yang semakin merosot. Meskipun ramai yang mengetahui akan faedah membaca namun mereka masih membaca hanya untuk tujuan peperiksaan dan bukan sebagai hobi atau amalan harian.

Sumber : Internet

Huraikan manfaat-manfaat yang diperoleh murid apabila menjadikan amalan membaca sebagai hobi dalam kehidupan seharian.

Tema : Amalan membaca

Tugasan : Manfaat-manfaat yang diperoleh murid apabila menjadikan amalan membaca sebagai hobi dalam kehidupan seharian.

Cadangan idea:

1. Menambah Ilmu Pengetahuan

Membaca membuka peluang kepada murid untuk memperoleh pelbagai maklumat baharu. Contohnya, melalui bahan seperti buku sejarah tentang Tun Dr. Mahathir Mohamad atau karya sastera seperti novel Harry Potter and the Philosopher's Stone, murid dapat memperluas pengetahuan dalam pelbagai bidang.

2. Meningkatkan Kemahiran Bahasa

Amalan membaca membantu murid memperkaya kosa kata serta memahami struktur ayat yang betul. Hal ini sekali gus meningkatkan kemahiran menulis dan bertutur dengan lebih yakin dan berkesan.

3. Meningkatkan Daya Pemikiran

Apabila membaca, murid akan berfikir secara kritis dan kreatif, terutamanya apabila memahami jalan cerita, membuat ramalan, atau menganalisis isu yang dibincangkan dalam bahan bacaan.

4. Mengisi Masa Lapang dengan Aktiviti Berfaedah

Membaca dapat mengelakkan murid daripada terlibat dengan gejala negatif. Masa lapang dapat dimanfaatkan dengan aktiviti yang mendatangkan faedah kepada diri sendiri.

Cadangan peribahasa :

1. Melentur buluh biarlah dari rebungnya
2. Tak kenal maka tak cinta
3. Membaca jambatan ilmu
4. Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya

Soalan 2

Jabatan Warisan Negara secara rasmi telahewartakan 117 jenis makanan Malaysia sebagai *Warisan Kebangsaan* di bawah Deklarasi Objek Warisan 2025. Makanan warisan seperti ketupat, ambuyat, tose dan kuih bulan menjadi identiti bangsa masyarakat majmuk di Malaysia. Namun begitu, sebahagian masyarakat semakin melupakan makanan warisan yang merupakan simbol masyarakat negara.

Sumber : Internet

Sebagai respons kepada petikan di atas, huraikan usaha-usaha untuk mempopularkan makanan warisan.

Tema : Makanan warisan

Tugasan : Usaha-usaha untuk mempopularkan makanan warisan.

Cadangan idea:

1. Mengadakan Festival dan Karnival Makanan

Pihak kerajaan dan swasta boleh menganjurkan festival makanan tradisional di tempat-tempat tumpuan seperti di Kuala Lumpur dan Melaka. Melalui program seperti ini, masyarakat dan pelancong berpeluang mengenali serta merasai pelbagai juadah warisan.

2. Promosi Melalui Media Massa dan Media Sosial

Media elektronik seperti Radio Televisyen Malaysia boleh menyiarkan rancangan khas berkaitan makanan tradisional. Selain itu, penggunaan platform seperti TikTok dan Instagram dapat menarik minat golongan muda melalui perkongsian video dan gambar yang kreatif.

3. Memasukkan Elemen Makanan Warisan dalam Pendidikan

Sekolah boleh menganjurkan program hari kantin atau projek kajian berkaitan makanan tradisional seperti nasi lemak dan rendang. Dengan cara ini, murid dapat mengenali sejarah dan keunikan makanan tersebut sejak usia muda.

4. Menggalakkan Pengusaha Muda Menceburi Bidang Kuliner Tradisional

Pihak kerajaan boleh menawarkan kursus, latihan serta bantuan kewangan kepada usahawan muda untuk membuka restoran yang mengetengahkan makanan warisan. Langkah ini bukan sahaja mempopularkan makanan tradisional malah menjana ekonomi negara.

5. Mempromosikan Makanan Warisan di Peringkat Antarabangsa

Agensi pelancongan seperti Tourism Malaysia boleh mempromosikan makanan tradisional dalam kempen pelancongan luar negara. Hal ini dapat memperkenalkan identiti budaya Malaysia kepada masyarakat dunia.

Cadangan peribahasa :

1. Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.
2. Biar mati anak, jangan mati adat.
3. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
4. Sambil menyelam minum air

Soalan 3

Tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh gajet terhadap gaya hidup remaja masa kini telah membawa anjakan paradigma yang cukup besar. Ketika tinjauan Buletin Mutiara pada 18 April lalu, rata-rata responden berkata ramai remaja sering menghabiskan masa berjam-jam dengan menatap skrin gajet. Penggunaan gajet seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba meningkat secara mendadak. Kekerapan menatap skrin tanpa kawalan ini mula menimbulkan masalah kesihatan,

Sumber : Buletin Mutiara

Huraikan kesan yang dinyatakan dalam petikan berserta kesan-kesan lain ketagihan gajet dalam kalangan remaja.

Tema : Ketagihan gajet

Tugasan : Kesan-kesan lain ketagihan gajet dalam kalangan remaja.

Cadangan idea:

1. Menjejaskan Prestasi Akademik

Remaja yang terlalu asyik bermain permainan video atau melayari media sosial seperti Instagram dan TikTok akan mengabaikan pelajaran. Tumpuan terhadap kerja sekolah dan ulang kaji semakin berkurangan, sekali gus menjejaskan keputusan peperiksaan.

2. Masalah Kesihatan Fizikal

Penggunaan gajet secara berlebihan boleh menyebabkan masalah rabun jauh, sakit leher dan sakit belakang akibat postur badan yang tidak betul. Selain itu, kurangnya aktiviti fizikal meningkatkan risiko obesiti dalam kalangan remaja.

3. Gangguan Kesihatan Mental

Ketagihan media sosial boleh menyebabkan tekanan, kebimbangan dan kemurungan, terutamanya apabila remaja membandingkan diri mereka dengan kehidupan orang lain di alam maya. Mereka juga mudah terdedah kepada buli siber yang menjejaskan emosi dan keyakinan diri.

4. Hubungan Sosial Terjejas

Remaja yang terlalu bergantung pada gajet kurang berinteraksi secara bersemuka dengan ahli keluarga dan rakan-rakan. Hal ini menyebabkan hubungan menjadi renggang dan kemahiran komunikasi semakin lemah.

5. Gangguan Pola Tidur

Penggunaan telefon pintar sehingga lewat malam mengganggu waktu tidur. Cahaya skrin boleh menjejaskan kualiti tidur dan menyebabkan remaja berasa letih serta kurang fokus pada keesokan harinya.

Cadangan peribahasa :

1. Bagai aur dengan tebing
2. Mati semut kerana gula
3. Masa itu emas
4. Seperti kera mendapat bunga
5. Sediakan payung sebelum hujan

Soalan 4

SHAH ALAM – Gejala rasuah yang semakin membarah dalam kalangan masyarakat kini dianggap sebagai ancaman serius terhadap kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kes rasuah masih dilaporkan berlaku dalam sektor awam dan swasta. Gejala rasuah sering dikaitkan dengan sikap tamak, tekanan kos sara hidup serta kelemahan penguatkuasaan undang-undang di Malaysia.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan faktor-faktor gejala rasuah berleluasa dalam kalangan masyarakat.

Tema : Gejala rasuah

Tugasan : Faktor-faktor gejala rasuah berleluasa dalam kalangan masyarakat.

Cadangan idea:

1. Kurangnya Penghayatan Nilai Agama dan Moral

Individu yang kurang pegangan agama dan nilai murni mudah terpengaruh dengan godaan wang serta kuasa. Tanpa rasa tanggungjawab dan amanah, mereka sanggup menerima atau memberi rasuah demi kepentingan diri sendiri.

2. Sikap Tamak dan Mementingkan Diri

Sikap tamak untuk hidup mewah dengan cara mudah menjadi punca utama rasuah. Ada individu yang ingin memiliki harta dan kemewahan tanpa berusaha secara halal, lalu mengambil jalan pintas melalui perbuatan rasuah.

3. Kelemahan Penguatkuasaan Undang-undang

Walaupun negara mempunyai badan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), jika penguatkuasaan tidak tegas atau hukuman tidak setimpal, pelaku rasuah tidak berasa takut untuk melakukan kesalahan tersebut.

4. Tekanan Ekonomi dan Kos Sara Hidup

Peningkatan kos sara hidup menyebabkan sesetengah individu terdesak untuk mendapatkan wang tambahan. Keadaan ini mendorong mereka menerima rasuah sebagai jalan penyelesaian segera terhadap masalah kewangan.

5. Budaya dan Persepsi Masyarakat

Ada segelintir masyarakat menganggap rasuah sebagai perkara biasa atau “duit kopi”. Sikap toleransi terhadap amalan ini menyebabkan gejala rasuah sukar dibanteras dan semakin menular dalam pelbagai sektor.

6. Kurangnya Ketelusan dalam Pentadbiran

Sistem pentadbiran yang tidak telus dan kurang pemantauan membuka ruang kepada penyelewengan kuasa. Apabila proses sesuatu urusan tidak dipantau dengan baik, peluang untuk berlakunya rasuah menjadi lebih tinggi.

Cadangan peribahasa :

1. Seperti anjing dengan bayang-bayang
2. Besar pasak daripada tiang
3. Ikan busuk bermula dari kepalanya
4. Harapkan pagar, pagar makan padi.
5. Gelap mata





**MODUL PINTAS 2026
TINGKATAN 5**

MODUL PINTAS 2026

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Tingkatan 5

PPC

Peraturan Pemarkahan



UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

SULIT**1103/2****MARKAH PENUH: 100 MARKAH****BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**Markah penuh **35** markah dibahagikan kepadaSoalan 1: **8** markahSoalan 2: **6** markahSoalan 3: **11** markahSoalan 4: **4** markahSoalan 5: **6** markah**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja tak transitif yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja tak transitif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kerja tak transitif telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
11. Calon menukarkan imbuhan / menambahkan imbuhan berikan 0 markah.

Soalan 1 – Morfologi**Empat kata kerja tak transitif**

- (i) berdiri
- (ii) datang
- (iii) berjalan
- (iv) berehat
- (v) pulang

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

- (i) Apakah yang mendorong murid untuk mengekalkan serta mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid yang berbilang kaum?
Yang mendorong murid untuk mengekalkan serta mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid yang berbilang kaum apa?
- (ii) Siapakah yang perlu merangka aktiviti yang melibatkan pelibatan murid daripada pelbagai kaum?
Yang perlu merangka aktiviti yang melibatkan pelibatan murid daripada pelbagai kaum siapa?
- (iii) Bagaimanakah murid berpeluang untuk berkomunikasi serta menyuarakan pendapat dengan yakin dan kreatif?
Murid berpeluang untuk berkomunikasi serta menyuarakan pendapat dengan yakin dan kreatif bagaimana?

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 - Penyuntingan**Bahan 1**

- (i) dari - daripada (bahasa)
- (ii) melahirkan - menzahirkan (istilah)
- (iii) beradap - beradab (ejaan)
- (iv) didikkan - didikan (imbuhan)
- (v) ibu bapa pameran - dipamerkan oleh ibu bapa (bahasa)
- (vi) hidup - kehidupan (imbuhan)
- (vii) dirai - diraikan (imbuhan)

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

- (i) berlansung - berlangsung (ejaan)
- (ii) pada - kepada (bahasa)
- (iii) pembeli - pembelian (imbuhan)
- (iv) mahu pun - mahupun (ejaan)
- (v) dokumentasi - ilustrasi (istilah)



SERTAI TELEGRAM @exercise_students [Maksimum : 5 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
-Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
-Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
-Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
-Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
-Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
-Ayat disalin bulat-bulat	0
-Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Baginda berfikir untuk berbincang bagi menyatukan/ mendamaikan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Baginda menitahkan orang supaya memanggil Seri Nara Diraja; lalu beliau/ dia/ Seri Nara Diraja datang menghadap. Sultan Muzaffar Syah bertitah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri/ berkahwin?”

Seri Nara Diraja datang menyembah, “Jika ada kurnia/ perkenan daripada Duli Yang Dipertuan, baiklah tuanku.”

Baginda bertitah, “Adakah Seri Nara Diraja inginkan/ ingin berkahwin dengan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?”

[Maksimum : 4 markah]

Perhatian bagi Soalan 5: Peribahasa

1. Berikan 1 markah untuk setiap peribahasa yang disenaraikan dengan tepat
2. Berikan 1 markah untuk setiap peribahasa lain yang sama maksud
3. Berikan 0 markah untuk peribahasa yang salah.
4. Periksa atau tanda 3 peribahasa yang pertama sahaja.

Soalan 5 – Peribahasa

- (i) indah khabar daripada rupa - bagai menumbuk padi hampa/ rupa tidak seindah khabar/ belum tuarang panjang, buah sengkung sebesar betis
- (ii) ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni - bagai aur dengan tebing/ berat sama dipikul, ringan sama dijinjing/ seliang bagai tebu, serumpun bagai serai/ terendam sama basah, terampai sama kering/ seikat bagai sirih, serumpun bagai serai
- (iii) batu penghalang - batu rintangan

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 13 markah

Soalan 7 : 12 markah

Soalan 8 : 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6**(i) Maksud**

- Menurut/menyertai kelebihan/keistimewaan 2 markah
- menurut/menyertai *keutamaan* 1 markah
- *mengikut* kelebihan/keistimewaan 1 markah

(ii) Kepentingan-kepentingan**Bahan 1**

P1 mencerminkan disiplin peribadi dan kebijaksanaan dalam memahami batasan

P2 mengutamakan perkara yang benar-benar penting

Bahan 2

P3 dapat berbelanja mengikut peruntukan sedia ada

P4 tidak berbelanja secara berlebihan

P5 remaja mampu mengurangkan risiko terjerumus dalam hutang yang tidak terkawal pada masa hadapan

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Kesan-kesan

P1 berlakunya pembaziran/ boros

P2 terpaksa meminjam wang daripada rakan/keluarga/ ceti haram/
terjebak dengan hutang/ masalah kewangan

P3 tiada simpanan

P4 kehidupan seharian terganggu

P5 mengalami tekanan/ masalah emosi/ stres

P6 hubungan keluarga terjejas

Nota : Kesan-kesan lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

P1 memberikan nasihat/ motivasi/ dorongan/ semangat

P2 membantu menyediakan bajet bulanan

P3 menjadi contoh sikap berjimat cermat

P4 mengajak menghadiri seminar/ bengkel/ kursus kewangan

P5 membawa berjumpa kaunselor / pakar kewangan

P6 memberitahu ibu bapa/ keluarga

Nota : Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7**(i) Keadaan ratusan ribu ekar tanah**

- P1 terbiar kosong
P2 tidak produktif

[Maksimum : 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Bantuan kerajaan**Bahan 1**

- P1 ada pelbagai bantuan dan skim pembiayaan untuk projek pertanian yang dikendalikan oleh sebuah bank khusus.

Bahan 2

- P1 memberi subsidi baja dan benih
P2 menyediakan latihan dan ilmu pertanian

Nota : jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Kepentingan agropelancongan kepada ekonomi penduduk setempat

- P1 menambah sumber pendapatan/ meningkatkan ekonomi penduduk setempat
P2 mewujudkan peluang pekerjaan
P3 menggalakkan aktiviti perniagaan kecil
P4 meningkatkan permintaan produk tempatan

Nota : Kepentingan lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Cadangan-cadangan (saya mencadangkan.....)

- P1 rujuk/ mendapatkan khidmat nasihat pakar
P2 mencari maklumat berkaitan pertanian
P3 menyertai kursus/ latihan/ bengkel
P4 mendapatkan bantuan kerajaan
P5 melawat ladang atau program pertanian

Nota : Cadangan-cadangan lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8**(i) Tindakan**

- P1 Tan Sri Muhaimin pergi ke bilik yang menempatkan anaknya
- P2 merenung dari luar
- P3 Tan Sri Muhaimin melihat ke dalam wad anaknya melalui tingkap kaca gelap
- P4 Dia berdoa

[Maksimum : 4 markah]**[isi cukup : 3 isi]****Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)****(ii) Soalan novel : 6 markah**

- (a) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]

PANTAI KASIH karya Azmah Nordin

1. **Peristiwa :** Dr Raiha mempersoalkan imbasan x-ray Unong Siron yang telah menjalani lima kali pembedahan tetapi gagal terhadap Dr Uwang. Dr Raiha akhirnya menerima tanggungjawab membedah Unong Siron kali keenam.

Huraian : Peristiwa ini membuktikan kesungguhan seorang doktor bagi memastikan pesakitnya sembuh.

2. **Peristiwa :** Dr Raiha tetap meneruskan cita-citanya untuk menjadi doktor pakar walaupun mendapat bantahan daripada bapanya. Ayahnya berpendapat kerjaya doktor tidak sesuai untuk wanita.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kesungguhan seorang wanita mengejar cita-citanya walaupun mendapat pelbagai halangan.

3. **Peristiwa :** Ibu Unong Siron sanggup menggunakan semua wang simpanan dan wang insurans anaknya untuk menanggung kos rawatan Unong Siron.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kesungguhan seorang ibu berusaha bagi memastikan anaknya mendapat rawatan yang terbaik.

Nota : Cadangan isi lain boleh diterima sekiranya sesuai.

BIMASAKTI MENARI karya Sri Rahayu Mohd Yusop

1. **Peristiwa :** Nurul Hafsa berjanji dengan rombongan sekumpulan murid dari Sekolah Rendah Kichihimahighashi Jepun untuk mengembalikan bintang dan kelip-kelip ke tempat asalnya sedaya upayanya walaupun usaha itu kelihatan agak sukar.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kesungguhan seorang pegawai Sains dalam menjalankan tugasnya.

2. **Peristiwa :** Muhammad Taufik meminta ayahnya Tan Sri Muhaimin membeli tanah seluas 500 hektar di Kampung Kuantan bagi memastikan habitat kelip-kelip tidak pupus.

Huraian : Peristiwa ini membuktikan kesungguhan seorang pemuda bagi memastikan kelestarian alam sekitar terpelihara.

3. **Peristiwa :** Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman merancang projek Kawasan Simpan Langit Gelap bagi memastikan isu pencemaran cahaya dapat ditangani walaupun mendapat tentangan daripada Dato' Johann Arlington Majid sehingga menyebabkan Nurul Hafsa dan Taufik diculik.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kesungguhan sekumpulan anak muda berusaha bagi melestarikan alam sekitar.

Nota : Cadangan isi lain boleh diterima sekiranya sesuai.

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Markah penuh 30 dibahagikan kepada :

- (a) Isi : 20 markah
(b) Bahasa : 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan
- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya satu isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja.

Bahagian	Bilangan isi	Bilangan isi diterima							Markah Maksimum
(i) Pendahuluan									2
(ii) Bahan 1									16
Fokus 1 (cabaran/kekangan/halangan)	3	2	3	2	2	3	1		
Fokus 2 (langkah/cara/usaha)	4	4	3	2	3	2	4		
(iii) Bahan 2									
Fokus 3 (kepentingan/manfaat/faedah)	3	1	1	2	2	1	2		
(iv) Bahan 3									
Fokus 1 (cabaran/kekangan/halangan)	2	1	1	2	1	2	1		
Jumlah isi	13	8	8	8	8	8	8		
(iv) Kesimpulan									2
Jumlah Markah									20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik. • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	• Kesenambungan ayat baik. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Pengolahan menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik. • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan <i>kurang</i> tepat. • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan <i>kurang</i> berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi **6 markah ke atas**, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- (iii) Jika markah isi **5 markah ke bawah** tetapi *bahasa sangat baik*, markah **maksimum bahasa ialah 5**.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2markah]

- | | | |
|----|---|---|
| P1 |membincangkan cabaran/kekangan/halangan memupuk semangat kejiranan, /langkah/usaha/cara memupuk semangat kejiranan dan kepentingan/faedah/manfaat semangat kejiranan | 2 |
| P2 |membincangkan cabaran/kekangan/halangan memupuk semangat kejiranan dan /langkah/usaha/cara memupuk semangat kejiranan | 1 |
| P3 |membincangkan cabaran/kekangan/halangan memupuk semangat kejiranan dan kepentingan/faedah/manfaat semangat kejiranan | 1 |
| P4 |membincangkan langkah/usaha/cara memupuk semangat kejiranan dan kepentingan/faedah/manfaat semangat kejiranan | 1 |
| P5 |membincangkan cabaran/kekangan/halangan memupuk semangat kejiranan | 1 |
| P6 |membincangkan langkah/usaha/cara memupuk semangat kejiranan | 1 |
| P7 |membincangkan kepentingan/faedah/manfaat semangat kejiranan | 1 |

Isi [16 markah]**FOKUS 1:** cabaran/kekangan/halangan memupuk semangat kejiranan**Bahan 1**

- | | | |
|----|--|---|
| A1 | perubahan gaya hidup masyarakat yang semakin sibuk | 2 |
| A2 | kurangnya aktiviti komuniti | 2 |
| A3 | peningkatan kes jenayah dan penipuan | 2 |

Bahan 3

- | | | |
|----|---|---|
| B1 | Sikap saling mengungkit antara jiran (Jika hidup saling mengungkit) | 2 |
| B2 | Pengaruh gajet dalam kehidupan (Gajet ditangan tak lepas selalu) | 2 |

FOKUS 2: langkah/usaha/cara memupuk semangat kejiranan**Bahan 1**

- | | | |
|----|--|---|
| C1 | masyarakat saling mengamalkan dan menghayati nilai-nilai murni dalam kehidupan | 2 |
| C2 | Kita mestilah menyemarakkan budaya kunjung-mengunjung dalam kalangan masyarakat | 2 |
| C3 | Rukun Tetangga dan Kawasan Keselamatan Kejiranan (KRT) boleh mengadakan perjumpaan berkala untuk membincangkan isu-isu kejiranan | 2 |
| C4 | sikap negatif perlulah dikikis | 2 |

Bahan 3

- D1 Bersama mengeratkan hubungan sesama jiran (Bersama jiran eratkan hubungan) 2

FOKUS 3: kepentingan/faedah/manfaat semangat kejiranan

Bahan 2

- E1 Jika kita ditimpa musibah, mereka menghulurkan bantuan 2
- E2 Dapat menjamin keselamatan dan kawasan sekeliling 2
- E3 Dapat membentuk ikatan silaturahim dalam kalangan jiran setempat 2

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, semangat kejiranan perlu dipupuk/disemai/disemarakkan agar kehidupan masyarakat lebih sejahtera/harmoni/aman 2
- K2 Kesimpulannya, semangat kejiranan perlu dipupuk/disemai/disemarakkan 1

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT